

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

SOALAN

TUAN BARU BIAN [SELANGAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status Hospital Petra Jaya dan Miri. Adakah perancangan projek-projek ini mengikut jadual dan bilakah tarikh siap untuk projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Hospital Petrajaya dengan 300 buah katil telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tahun 2011. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan Fasa Pembinaan bermula pada 30 Mei 2013 dan dijadualkan siap pada 30 Jun 2018.
2. Berikutan prestasi kemajuan projek yang tidak memuaskan, JKR telah mengeluarkan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor kepada Zecon Berhad pada 2 Ogos 2018.
3. Projek Menyiapkan Baki Kerja Terbengkalai Hospital Petrajaya dilaksanakan secara Tender Terbuka oleh JKR. Taklimat Tender dan Lawatan Tapak telah berlangsung pada 12 Februari 2019 dengan tender ditutup pada 24 April 2019.
4. Walau bagaimanapun, disebabkan tiada petender yang layak, maka Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat pada 26 Ogos 2019 memutuskan supaya projek ini ditender semula secara

SOALAN NO : 90

Tender Terbuka (Pra Kelayakan) di kalangan syarikat yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Kod Bidang B29 (Kerja Bangunan Kesihatan) serta mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap bagi pelaksanaan projek terbengkalai sebelum ini.

5. Projek kini berada di fasa perolehan kepada para petender yang telah lulus di peringkat pra kelayakan dan tarikh tutup tender ialah pada 7 Ogos 2020. Projek kini berada dalam peringkat penilaian tender dan Surat Setuju Terima (SST) dijadual dikeluarkan pada Januari 2021.

6. Manakala, bagi projek pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Miri, Sarawak telahpun diluluskan oleh UPE, JPM untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan anggaran kos sebanyak RM340 juta. Projek ini dilaksanakan secara Tender Terbuka (Pra Kelayakan) oleh JKR.

7. Bangunan Tambahan Hospital Miri ini akan mempunyai 300 katil serta 6 dewan bedah (4 *general* dan 2 *maternity*). SST telah dikeluarkan pada 12 Jun 2020 kepada kontraktor yang berjaya. Projek telah bermula pada 25 Jun 2020 dan dijangka siap pada Oktober 2023 dengan tempoh pembinaan selama 173 minggu. Setakat Oktober 2020, kemajuan projek adalah 1.0% sebenar dan berbanding 0.37% jadual.

8. KKM bersama JKR dan agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.